

NOTA AMALAN NO. 2/2018

PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN PEMAKAIAN PERUNTUKAN KETIDAKPAKAIAN YANG DINYATAKAN DALAM PERINTAH CUKAI PENDAPATAN DAN KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN DI BAWAH AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

- 1.0 Nota Amalan ini dikeluarkan bagi menerangkan konsep peruntukan ketidakpakaiannya yang dinyatakan dalam Perintah Cukai Pendapatan (PCP) dan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (KKCP) di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP).
- 2.0 Ketidakpakaiannya adalah peruntukan yang menerangkan bahawa setiap insentif yang diberikan oleh Kerajaan adalah saling eksklusif. Dengan kata lain, hanya satu insentif yang boleh dituntut oleh mana-mana pembayar cukai dalam suatu tahun taksiran yang sama.
- 3.0 Nota amalan ini menjelaskan maksud ketidakpakaiannya yang dinyatakan dalam PCP dan KKCP berhubung dengan mana-mana pembayar cukai yang telah diberikan apa-apa pengecualian di bawah seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan 1967. Implikasi daripada syarat ini ialah pembayar cukai yang telah diluluskan apa-apa pengecualian di bawah seksyen 127 ACP (walaupun tiada tuntutan dibuat) adalah tidak layak menuntut apa-apa insentif yang diberikan di bawah PCP dan KKCP. Walaubagaimanapun jika terdapat senarai KKCP yang tidak saling eksklusif dinyatakan dalam warta berkenaan, tuntutan masih boleh dibuat.
- 4.0 Pengecualian di bawah seksyen 127 ACP terbahagi kepada 3 kategori seperti berikut:
 - (a) subseksyen 127(1) ACP adalah pengecualian yang dinyatakan di bawah Jadual 6 ACP;
 - (b) perenggan 127(3)(b) ACP adalah pengecualian yang diberikan oleh Menteri melalui pewartaan perintah; dan
 - (c) subseksyen 127(3A) ACP adalah pengecualian yang diberikan oleh Menteri secara khusus.
- 5.0 Pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) ACP dan subseksyen 127(3A) ACP adalah berdasarkan kepada keadaan tertentu dan perlu mengikut prosedur yang ditetapkan. Pengecualian tersebut adalah bersifat khusus dan berdasarkan kepada merit sesuatu kes. Pengecualian bagi pendapatan yang dinyatakan di bawah Jadual 6 ACP pula adalah bersifat umum dan dinyatakan secara jelas dalam ACP. Oleh yang demikian, ketidakpakaiannya yang berkaitan dengan pembayar cukai yang telah diberikan apa-apa pengecualian di bawah seksyen 127 ACP yang dinyatakan dalam PCP dan KKCP adalah merujuk kepada pengecualian yang diberikan secara khusus dan berdasarkan merit kes iaitu di bawah perenggan 127(3)(b) ACP dan subseksyen 127(3A) ACP.

Dengan itu, pembayar cukai yang telah diberikan pengecualian atas pendapatan yang dinyatakan di bawah Jadual 6 ACP masih layak untuk menuntut insentif di bawah PCP dan KKCP untuk pendapatan lain tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat lain yang ditetapkan.

Contoh 1

Syarikat ABC Sdn Bhd menjalankan perniagaan pengeluaran simen. Tempoh perakaunan syarikat berakhir pada 31 Disember setiap tahun. ABC Sdn Bhd telah diberikan pengecualian bagi pendapatan yang diremit ke Malaysia bagi aktiviti sewaan bangunan milik syarikat di Singapura. Pengecualian atas pendapatan remitan sewa ini diberi di bawah subperenggan 28(1) Jadual 6 ACP. Walau bagaimana pun, ABC Sdn Bhd tidak pernah diberikan apa-apa insentif di bawah perenggan 127(3)(b) ACP atau pun subseksyen 127(3A) ACP. Pada tahun 2017, ABC Sdn Bhd berhasrat untuk melabur dalam sebuah syarikat berstatus bionexus dan ingin menuntut potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Syarikat Berstatus Bionexus) 2016 [*P.U.(A) 306/2016*] bagi tahun taksiran berkenaan.

Tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat lain yang ditetapkan dalam P.U.(A) 306/2016, ABC Sdn Bhd masih layak menuntut potongan atas pelaburan dalam syarikat berstatus bionexus sungguhpun telah diberikan pengecualian atas remitan pendapatan sewa di bawah Jadual 6 ACP bagi tahun taksiran 2017.

Contoh 2

Syarikat DEF Sdn Bhd menjalankan aktiviti pengilangan produk semikonduktor. Tempoh perakaunan syarikat berakhir pada 31 Mac setiap tahun. Dalam tahun taksiran 2017, syarikat telah menuntut elaun khas peningkatan eksport di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 17) 2005 [*P.U.(A) 158/2005*]. Dalam tahun taksiran yang sama, DEF Sdn Bhd bercadang untuk menuntut pengecualian atas peningkatan pendapatan berkanun di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2017 [*P.U.(A) 117/2017*].

DEF Sdn Bhd tidak layak menuntut pengecualian atas peningkatan pendapatan di bawah P.U.(A) 117/2017 kerana telah diberikan elaun khas peningkatan eksport di bawah P.U.(A) 158/2005 bagi tahun taksiran yang sama. P.U.(A) 158/2005 ialah pengecualian yang diberikan melalui warta yang diterbitkan di bawah perenggan 127(3)(b) ACP.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

TARIKH PENERBITAN: 1 JUN 2018